



كمنتريِن سومبرِ اوتام دان فلتچوئن
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM
BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

SIDANG MEDIA BAGI
BRUNEI INTERNATIONAL FLOWER SHOW 2019

5^{HB} OKTOBER 2019, SABTU

DEWAN SETIA PAHLAWAN
KEMENTERIAN SUMER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN



SIDANG MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

SIDANG MEDIA BAGI BRUNEI INTERNATIONAL FLOWER SHOW 2019
5^{HB} OKTOBER 2019
DEWAN SETIA PAHLAWAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

1. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui gabungan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan menganjurkan Brunei International Flower Show 2019 (BIFS 2019) bermula pada hari Rabu, 24hb. Safar 1441 bersamaan 23hb. Oktober 2019 hingga hari Ahad, 28hb. Safar 1441 bersamaan 27hb. Oktober 2019 bertempat di Rimba Garden Central (RGC), Pusat Urusniaga Hortikultur, Kampong Rimba, Gadong, Negara Brunei Darussalam bersempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.
2. Satu sidang media telah diadakan mengenai BIFS 2019, yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Setiausaha Jawatankuasa Pandu BIFS 2019.
3. Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohamad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja BIFS 2019, dan pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang terlibat selaku Jawatankuasa BIFS 2019 serta *Event Partners, Event Sponsors and Supporters*, ejen-ejen pelancongan, perhotelan dan Persatuan Fotografi Negara Brunei Darussalam.
4. BIFS 2019 akan menyediakan pelbagai aktiviti seperti taklimat dan bengkel, gubahan bunga hiasan (*floral installations*), pameran dari peserta dari luar negara, aktiviti bagi penyertaan kanak-kanak serta pasar tani (*farmers' market*) dapat disertai oleh orang ramai, yang bertempat di kawasan Pusat Perniagaan Hortikultur Rimba, Gadong. Para pengunjung akan dapat menyaksikan pameran

dan jualan pelbagai jenis tanaman dan flora dari dalam dan luar negara semasa acara berlangsung.

5. Objektif utama acara BIFS 2019 diadakan ialah:
 - i. Meningkatkan kedatangan pelancong-pelancong ke Negara Brunei Darussalam dengan mewujudkan serta menambah dayatarikan produk-produk pelancongan, termasuklah acara-acara pelancongan (tourism events) yang baru iaitu, sebagai sebahagian daripada produk pelancongan MICE (Meetings, Incentives, Conferences and Exhibition);
 - ii. Mempamerkan dan mempromosikan industri florikultur Negara Brunei Darussalam;
 - iii. Membantu dalam meningkatkan lagi keluaran hasil-hasil daripada industri florikultur supaya dapat menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, Negara Brunei Darussalam;
 - iv. Mengembangluaskan peluang-peluang pasaran termasuk menggalakkan *business matching* di antara pengusaha-pengusaha termasuk dengan pengusaha-pengusaha dari luar negara;
 - v. Mendedahkan pengusaha-pengusaha dan juga orang ramai mengenai dengan teknologi dan inovasi dalam industri florikultur yang digunakan; dan
 - vi. Dengan bertambahnya dan bertumbuhnya aktiviti dan keluaran florikultur di Negara ini, dan juga dengan meningkatnya pertumbuhan jumlah pelancong ke Negara ini, adalah seterusnya dihasratkan akan dapat menjana lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.
6. Bertemakan "Brunei in Bloom", BIFS 2019 buat julung kalinya diadakan dengan tujuan untuk mengetengahkan dan menyediakan landasan untuk mempamerkan industri florikultur, disamping memperkembangkannya sebagai salah satu produk pelancongan, khususnya bagi para penggemar hortikultur.
7. Orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung ke BIFS 2019 yang mana bermula jam 2.00 petang hingga 9.00 malam pada hari Rabu, 23hb. Oktober 2019, dan pada jam 8.00 pagi hingga 9.00 malam pada hari Khamis, 24hb. Oktober 2019 hingga hari Ahad 27hb. Oktober 2019.

-tamat-

